AUTHOR: No author available SECTION: SETEMPAT AUDIENCE : 112,705 PAGE: 2
PRINTED SIZE: 254.00cm² REGION: KL MARKET: Malaysia PHOTO: Full Color ASR: MYR 9,723
WORDS: 355 ITEM ID: DP0122435825



05 NOV, 2026

Tiga scammer Pakistan ditahan polis

Harian Metro, Malaysia

Tiga scammer Pakistan ditahan polis

Alor Setar: Tindakan licik tiga lelaki warga Pakistan mengaut keuntungan sehingga AS$47,505 (RM193,675) dalam tempoh tiga bulan dengan menjadikan sebuah rumah kedai di Sungai Petani sebagai pusat perjudian dalam talian berakhir selepas mereka ditahan Isnin lalu.

Ketua Polis Kedah, Datuk Adzli Abu Shah **(gambar)** berkata, kegiatan itu terbongkar selepas sepasukan pegawai dan anggota Bahagian Siasatan Jenayah Daerah (BSJD) Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Kuala Muda bersama Pegawai Pakar Judi Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) negeri dan pasukan SEAL Tenaga Nasional Berhad (TNB) menyerbu premis itu jam 12.25 tengah malam.

Katanya, dalam serbuan itu, polis menahan mereka yang berusia antara 21 hingga 23 tahun dipercayai terbabit dalam kegiatan perjudian menggunakan konsep pusat panggilan atau 'calling centre'.

"Ketika serbuan dilakukan, ketiga-tiga suspek berada di sebuah bilik di tingkat tiga premis berkenaan yang dilengkapi peralatan komputer dan telefon bimbit dipercayai digunakan untuk mengendalikan aktiviti perjudian.

"Pemeriksaan oleh pegawai pakar judi mendapati terdapat paparan promosi serta aktiviti perjudian dalam talian pada peralatan diperiksa. Selain itu, pemeriksaan dokumen perjalanan pula mendapati pasport ketiga-tiga suspek sudah tamat tempoh," katanya pada sidang media di IPK Kedah, di sini semalam.

Adzli berkata, siasatan awal mendapati sindiket itu dipercayai mula beroperasi sejak tiga bulan lalu dengan menjadikan premis berkenaan sebagai pusat operasi bagi menyasarkan pasaran perjudian di Nepal.

Katanya, ketiga-tiga suspek dipercayai dibayar gaji RM3,600 sebulan untuk menjalankan tugas mempromosi serta mengendalikan aktiviti perjudian menerusi platform dalam talian menggunakan laman sesawang evobet33.com.



"Selain itu, pemeriksaan di premis berkenaan turut menemukan unsur penggunaan bekalan elektrik melalui sambungan tidak sah yang menjadi kesalahan mengikut Akta Bekalan Elektrik 1990.

"Siasatan lanjut dilakukan bagi mengenal pasti dalang utama serta rangkaian operasi sindiket berkenaan, termasuk individu lain yang dipercayai terbabit," katanya.

Adzli berkata, kes disiasat mengikut Seksyen 4(1)(c) Akta Rumah Judi Terbuka 1953, Seksyen 15(1)(c) Akta Imigresen 1959/63, Seksyen 427 Kanun Keseksaan dan Seksyen 37 Akta Bekalan Elektrik 1990.

Katanya, ketiga-tiga suspek direman bermula 2 November hingga 15 November ini bagi membantu siasatan.

"Polis Kontinjen Kedah memandang serius kegiatan perjudian haram, khususnya operasi perjudian dalam talian yang menjadikan premis sebagai pusat operasi," katanya.

© Nine Entertainment Co. Pty Limited. No redistribution is permitted. This content can only be copied and communicated with a copyright licence.